



19 Oktober 2012
Isu 6



Pertahan Peniaga Kg Kerinchi

Isnin, 9 Okt - Setelah para peniaga pasar malam Kg Kerinchi diugut beberapa kali dengan pengusiran, YB Nurul Izzah bersama ahli-ahli Parlimen YB Tian Chua (Batu), YB Lim Lip Eng (Segambut) dan beberapa wakil peniaga pasar malam tersebut telah membawa kes ini ke DBKL untuk mendapatkan kepastian apakah yang sebenarnya akan berlaku.

Namun, pada kali ini, usaha mereka untuk bertemu dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak tercapai di atas sebab-sebab yang tidak dapat dipastikan.

Apa pun, beberapa hari selepas YB Nurul Izzah dan para peniaga berusaha untuk bertemu dengan Datuk Bandar, telah keluar berita bahawa pasar malam tersebut telah dipersetujui untuk dipindahkan ke Vista Angkasa, bersebelahan LRT Universiti.

Tahniah kepada semua yang telah memperjuangkan nasib para peniaga pasar malam Kg Kerinchi!

Bantu YB Nurul Izzah

- Jadilah Polling Agent/Counting Agent for GE13
- Sumbanglah:
'Ahli Parlimen Lembah Pantai'
A/C: 5641 2834 5008
Maybank - Bangsar Baru

Program Akan Datang

- **21 Okt, 8pg** - program sembelihan halal sempena Hari Raya Aidil Adha (info: 03-2240 9475)
- **21 Okt, 8mlm** - forum Belanjawan 2013, Perkarangan Restoran Lan Jie, Jln Tan Yew Lai

Ikuti YB Nurul Izzah di

 Facebook

 Twitter

Pampasan kepada bekas Pekedai



Jumaat, 12 Okt - Setelah berjuang begitu lama untuk mendapatkan pampasan bekas blok kedai mereka di Flat PKNS 4 Tingkat Kg Kerinchi dahulu, akhirnya YB Nurul Izzah dan pihak PKNS telah berjaya mempersetujui satu jumlah pampasan yang, walaupun pembangunan tiada kaitan dengan PKNS, tetap diberi sebagai satu tanda penghargaan kepada para penyewa dahulu.

Seramai 9 orang bekas penyewa kedai blok L telah menerima pampasan. Semoga dengan duit ini akan dapat membantu mereka serba-sedikit dalam meneruskan perniagaan mereka.

Belanjawan vs Bajet



Ahad, 14 Okt - Lebih 150 orang telah menghadiri satu program forum berkaitan Bajet 2013 dan Belanjawan Pakatan Rakyat, yang diadakan di Hailam Kopitiam, Lucky Garden, Bangsar. Dalam program lebih 2.5 jam ini, pelbagai isu berkaitan ekonomi seperti hutang kerajaan pusat yang makin menggunung, pelaksanaan sistem cukai GST selepas PRU13 jika BN menang, dan janji-janji ekonomi yang dibuat Pakatan Rakyat melalui Belanjawan Alternatif 2013 telah dibincang.


Semoga rakyat makin sedar tentang ke mana perginya wang rakyat.

Mendengar Suara Penduduk



Ahad, 14 Okt - YB Nurul Izzah telah hadir dalam satu sesi mendengar keluhan dan rungutan penduduk sekitar Taman Perindustrian OUG, Jalan 2/152, yang menghadapi masalah jalan yang telah ditutup pemaju. Dalam sesi yang dihadiri sekitar 15 penduduk ini, YB Nurul Izzah telah diminta melakukan sesuatu untuk membawa isu ini ke pengetahuan umum, agar pihak pemaju akan didesak untuk membuka semula jalan tersebut buat keselesaan bersama.

Sumbangan pra-Deepavali



Sabtu, 13 Okt - Peka dan prihatin tentang persiapan Hari Deepavali yang perlu dibuat awal, YB Nurul Izzah telah turun padang memberi bantuan kepada warga India yang tinggal sekitar Taman Sri Sentosa pada petang ini. Seramai 81 orang penerima telah mendapat sedikit bantuan sumbangan ikhlas berbentuk barang makanan dan keperluan harian.

Diharapkan bantuan yang tidak seberapa ini akan dapat membantu para penduduk yang bakal menyambut perayaan Deepavali.

Copyright © 2012 Ahli Parlimen Lembah Pantai, All rights reserved.

MailChimp

[unsubscribe from this list](#) | [update subscription preferences](#)